

Pos Malaysia perkenal dua perkhidmatan

UM 26 JUL 2003

KUALA LUMPUR 25 Julai – Pos Malaysia memperkenalkan dua perkhidmatan terbaru iaitu sistem **pungutan** dan serahan terus **barangan** kepada peianggan.

Perkhidmatan tersebut iaitu **On Demand Pick-Up** dan **Domestic Time Certain Service (TCS Domestic)** akan dimulakan secara **berperingkat-peringkat** bermula di Kuala Lumpur dan **Petaling Jaya** hari ini.

Kedua-dua perkhidmatan itu dijangka **mengatasi** masalah kelewatan pengiriman barangan ekoran kesesakan jalan **raya**.

Perkhidmatan **On Demand Pick-Up** akan menawarkan khidmat Poslaju untuk memungut barangan daripada pengirim yang akan **membuat** bayaran **langsung** kepada petugas.

Serahan akan dibuat mengikut piawaian serahan Poslaju ke **alamat** penerima.

TCS Domestik pula adalah perkhidmatan yang membolehkan surat atau barangan yang diposkan dapat diserahkan kepada penerima secepat-lewatnya pukul 10 pagi **pada** hari bekeja berikutnya.

Pelancaran perkhidmatan tersebut **disempurnakan** oleh Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk **Amar Leo Moggie** di Ibu Pejabat Pos Malaysia Berhad di **sini**.

Menurut Moggie, kedua-dua perkhidmatan itu merupakan **saranan Perdana** Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** berikutan **keberkesanan** perkhidmatan yang serupa di Jepun.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah **Pos Malaysia**, Datuk Annuar Maaruf berkata, Pos Malaysia menjangka perkhidmatan terbaru itu akan menyumbang **RM100 juta** termasuk 10 peratus daripadanya adalah 'perolehan untuk penghantaran ke luar negara.